

Praktis 3

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang sesuai.

- 1 Tulisan doktor yang _____ sukar dibaca.
- 2 Cikgu Rosmira menyukat _____ air dengan menggunakan bikar.
- 3 Haikal menjadi _____ bagi pasukan bola tampar sekolahnya.
- 4 Kami perlu ber_____ untuk menyiapkan jambatan yang runtuh itu.
- 5 Hasnita dilantik sebagai _____ Persatuan Bahasa Melayu di sekolahnya.

Praktis 4

Isi tempat kosong dengan kata majmuk yang disediakan di bawah.

gulung tikar	Kereta api	Ketua Menteri	muka bumi	Buah fikiran
atur cara	jawatankuasa	kaki bangku	Olahraga	keras kepala

- 1 _____ Halina amat berkesan untuk menangani masalah kawalan kelas.
- 2 Kebanyakan tempat di Timur Tengah mempunyai bentuk _____ yang bergunung-ganang.
- 3 Beliau akan menggantikan Datuk Adenan Satem sebagai _____ Sarawak.
- 4 _____ terpaksa berhenti di Stesen Behrang kerana mengalami masalah teknikal.
- 5 Persatuan _____ Malaysia akan menghantar dua orang wakil ke Sukan Asia ke-18.
- 6 Berbagai-bagai _____ disusun oleh kerajaan pada karnival pendidikan bagi menarik minat remaja dalam bidang pendidikan.
- 7 Perniagaan Perabot Jati Bintang Lima terpaksa _____ tikar kerana kekurangan modal pusingan.
- 8 Anak Mat Lela memang _____ walaupun berkali-kali dinasihati oleh ibunya.
- 9 Putera Mahkota Arab Saudi menyatakan bahawa _____ itu ditubuhkan untuk menyiasat kes yang melibatkan penyelewengan wang kerajaan.
- 10 Razak yang _____ memang pendiam orangnya.

Dalam setiap ayat di bawah, terdapat **satu kesalahan bahasa**. Garis kesalahan bahasa tersebut dan **tulis jawapan** yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- 1 Dato' Lutfi akan menanda tangani perjanjian jual beli syarikat gergasi itu.

- 2 "Tugas Kamala sebagai setiausaha akan kamu ambilalih," kata Cikgu Hasrita kepada Diyana.

- 3 Lebuhraya yang menghubungkan Johor dengan Singapura akan ditutup untuk sementara waktu.

- 4 Pasukan bomba akan mengenalpasti punca kebakaran yang berlaku di Hotel Milton.

- 5 Saya akan memberi tahu mereka tentang kemalangan yang berlaku tadi.

- 6 Kadir harus bertanggung jawab kerana telah mencuri wang saku adik.

- 7 Jabatan Kerja Raya akan melipat gandakan usaha untuk kerja-kerja naik taraf jalan di sekitar Kuala Terengganu.

- 8 Beg tangan-beg tangan yang rosak telah dibuang oleh ibu ke dalam tong sampah.

- 9 Warga-warganegara Malaysia perlu menunjukkan kad pengenalan semasa diminta oleh pihak polis.

- 10 Ketua panitia-panitia Bahasa Melayu di daerah Muar akan bermesyuarat di Pejabat Menteri Besar Johor.
